Sistem pendidikan Malaysia pada umumnya berorientasikan peperiksaan dan keputusan peperiksaan sering digunakan sebagai indikator yang penting kepada penentuan kerjaya, melanjutkan pelajaran, dan sebagai kayu ukur kepada keberkesanan sekolah, walaupun Kementerian Pelajaran berusaha untuk menjadikan sistem pendidikan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan (Hishamuddin Hussin, 2006). Apabila keputusan diumumkan hanya sebilangan kecil sekolah sahaja yang dianggap cemerlang berbanding sebahagian besarnya sederhana atau lemah. Begitu juga dengan bilangan pelajar cemerlang jauh lebih kecil daripada bilangan yang kurang atau tidak cemerlang. Kegagalan pelajar mendapat keputusan yang baik sedikit sebanyak akan menjejaskan masa depan mereka. Misalnya jika mereka gagal mendapat 5A dalam UPSR mereka tidak akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang dianggap 'elit' seperti Maktab Rendah Sains

Mara (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Primer Negeri, dan Sekolah Primer Daerah. Pada umumnya sekolah-sekolah 'elit' ini pada setiap tahun menunjukkan keputusan yang lebih baik daripada sekolah-sekolah lain. Keputusan yang baik dalam PMR dan SPM pula meningkatkan peluang pelajar ke universiti dalam bidang yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi misalnya bidang kejuruteraan dan perubatan.

Keputusan peperiksaan juga dikatakan memberi gambaran tentang pencapaian sekolah yang tidak sama, walaupun kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan prasarana, latihan, dan guru terlatih yang hampir sama. Ketaksamaan peluang mungkin salah satu sebab mengapa ada pelajar yang berjaya dengan cemerlang atau kurang cemerlang. Ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka memasuki sekolah yang dianggap cemerlang, namun hanya sebilangan kecil saja sekolah yang dapat menyediakan peluang tersebut kerana kekurangan tempat. Sepatutnya semua sekolah dianggap cemerlang atau mempunyai piawai yang dikatakan cemerlang. Dalam laporan Sekolah Lima Bintang sekolah-sekolah di Kedah, hanya 238 buah sekolah atau 45.2 peratus dianggap cemerlang berbanding dengan 54.8 peratus yang kurang cemerlang (Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, 2004). Jelasnya terdapat ruang yang boleh diperbaiki bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah dan pelajar.

Kajian Coleman, Campbell, Hobson, McPartland, Mood, dan Weinfeld (1966) berkaitan kesaksamaan peluang pendidikan dianggap menjadi titik tolak kepada kajian-kajian sekolah berkesan (Ramaiah, 1995; Schreerens & Bosker, 1997; Teddlie & Reynolds, 2000). Kajian Coleman et al. (1966) ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbangkan kepada perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar pelbagai etnik. Namun dapatan Coleman et al. (1966) menunjukkan hanya 10-20 peratus perbezaan pencapaian di kalangan pelajar adalah kesan daripada sekolah. Coleman et al. (1966) melaporkan bahawa pengaruh sekolah adalah berkaitan dengan pelajar itu sendiri, perwatakan guru, seperti latar belakang pendidikan ibu bapa, dan aspirasi pelajar. Kurikulum sekolah dan kemudahan sekolah seperti bilangan buku di perpustakaan, gaji guru sukar untuk dikaitkan dengan pencapaian pelajar.

Kajian Coleman et al. (1966) diperkukuhkan lagi oleh kajian Jencks, Smith, Acland, Bane, Cohen, Gintis, Heyns, dan Michelson (1972) mengenai ketaksamaan peluang pendidikan. Jencks et al. (1972) bukan saja menganalisis semula kajian Coleman, tetapi juga melalui projek mereka iaitu *Project Talent* yang melibatkan lebih daripada 90 buah sekolah tinggi menunjukkan bahawa faktor sekolah hanya mempunyai pengaruh yang kecil ke atas pencapaian pelajar. Pencapaian pelajar sebaliknya kuat dipengaruhi oleh latar belakang ibu bapa pelajar. Mereka merumuskan bahawa reformasi pendidikan hanya akan melebarkan lagi jurang pencapaian antara pelajar.

Averch, Carroll, Donaldson, Kiesling, dan Pincus (1974) mengkritik kajian Coleman et al. (1966) dan kajian Jencks et al. (1972) kerana terlalu menekankan hanya kepada ciri-ciri kemudahan fizikal sekolah, manakala kesan daripada faktor-faktor seperti tingkah laku guru dan proses organisasi kurang diberi perhatian. Averch et al. (1974) merumuskan bahawa kajian berkaitan kemudahan fizikal sekolah menunjukkan ketidakpastian dapatan. Mereka berhujah bukan masalah ada atau tiadanya kemudahan, tetapi yang lebih penting ialah cara kemudahan itu digunakan.

Pada akhir tahun 70an penekanan terhadap kajian sekolah berkesan berubah kepada ciri-ciri yang berkaitan dengan organisasi, bentuk dan pengisian sekolah (Brookover, Beady, Flood, Schweitzer, & Wisenbaker, 1979; Flood, 1979; Rutter, Maughan, Mortimore, Ouston, & Smith, 1979). Brookover et al. (1979) misalnya mengkaji tentang hubungan antara sistem sosial sekolah dan hasil guru, dengan mengambil kira faktor struktur sosial dan iklim sosial sekolah. Brookover et al. (1979) merujuk pengertian sistem sosial sebagai corak hubungan yang berlaku di sekolah, dan faktor ini hanya menyumbangkan empat peratus sahaja daripada jumlah varian dalam pencapaian. Iklim sosial pula iaitu norma, jangkaan dan pandangan yang merujuk kepada kelakuan guru menyumbangkan lebih besar peratusannya kepada perbezaan pencapaian pelajar antara sekolah (Maslowski, 2001).

Dapatan kajian Rutter et al. (1979) juga menunjukkan persamaan iaitu wujud perbezaan yang ketara antara tingkah laku pelajar dan pencapaian pelajar. Mereka berpendapat perbezaan ini mungkin disebabkan oleh etos iaitu kombinasi daripada nilai,

norma dan corak budaya sekolah. Kajian Mortimore, Sammons, Stoll, Lewis, dan Ecob, (1988) seterusnya mendedahkan bahawa perbezaan pencapaian pelajar di sekolah rendah boleh diterangkan oleh kepemimpinan sekolah. Kepemimpinan sekolah dapat menggambarkan penglibatan, komitmen, memantau kemajuan pelajar, persekitaran yang positif yang disokong kuat oleh pentadbiran sekolah dan ibu bapa, serta pengajaran yang berstruktur.

Kajian-kajian oleh Brookover et al. (1979), Rutter et al. (1979) dan Mortimore et al. (1988) pada dasarnya ingin mencungkil rahsia sekolah dengan mengkaji hubungan antara sekolah berkesan dan proses yang membentuk karektor sekolah yang berkaitan dengan ciri-ciri organisasi dan fungsi sekolah. Dalam hal ini, Edmonds (1979) telah mengenal pasti lima ciri sekolah berkesan yang utama: kepemimpinan yang baik, jangkaan tinggi terhadap pelajar, keadaan persekitaran yang teratur yang sesuai untuk pembelajaran, penekanan kepada penguasaan kemahiran asas dan kekerapan memantau kemajuan pelajar. Dapatan yang sama oleh (Purkey & Smith 1983; Levine & Lezzote, 1990; Sammons, Hillman & Mortimore, 1995) yang mendapati ciri-ciri sekolah berkesan menunjukkan wujud budaya sekolah yang positif.

Namun begitu, analisis tinjauan terhadap kajian kualitatif, kajian kuantitatif dan kajian perbandingan ke atas faktor-faktor yang meningkatkan keberkesanan sekolah, mereka mendapati perbezaan yang ketara antara kajian berbentuk kualitatif dengan kajian berbentuk kuantitatif (Scheerens dan Bosker, 1997). Contohnya, tinjauan Cotton (1995), mendapati faktor pelajar merupakan faktor yang dikaitkan dengan pencapaian sekolah, tetapi tinjauan literatur menunjukkan dapatan yang tidak konsisten (Scheerens & Bosker, 1997) dan mencadangkan kajian beroientasikan teori perlu dibuat untuk mencari lebih banyak bukti bagi mengukuhkan kajian-kajian berbentuk kualitatif.

Kesimpulannya, tinjauan literatur kajian-kajian sekolah berkesan dan kajian-kajian penambahbaikan sekolah menunjukkan wujud persamaan daripada segi amalan-amalan budaya dengan kejayaan sekolah. Contohnya, kajian Macneil dan Maclin (2005) menjelaskan ciri-ciri sekolah yang berjaya mempunyai ciri-ciri seperti perkongsian idea-idea, kolaboratif dan kerja berpasukan, kesaksamaan, dan kepemimpinan menjurus

kepada pengwujudan dan perkongsian visi serta melahirkan budaya sekolah yang positif. Justeru, kajian ini akan mengambil kira kajian-kajian sekolah berkesan dan kajian-kajian penambahbaikan sekolah dengan memberi fokus kepada aspek budaya sekolah berkesan dengan matlamat untuk memperkasa sekolah kebangsaan yang menjadi hasrat kerajaan pada masa sekarang.

## **1.5 PERNYATAAN MASALAH**

Menyedari Malaysia sebuah negara yang unik dan kompleks dengan pelbagai kaum, budaya dan agama, maka isu perpaduan menjadi tema utama dalam pembentukan polisi pendidikan negara sejak dahulu lagi. Bermula dengan Penyata Razak (1956) yang menjadi asas dasar pendidikan kebangsaan, menekankan hasrat untuk membentuk satu sistem pendidikan kebangsaan bagi semua kaum, dan diikuti dengan Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pendidikan 1961, Laporan Mahathir 1976 hinggalah kepada Akta Pendidikan 1996 isu perpaduan masih diberikan keutamaan. Pada ketika ini pun isu perpaduan merupakan agenda penting yang menjadi kepekaan kerajaan (Hishammudin Hussein, 2005; Mahathir Muhammad, 2003; Musa Mohamad, 2003).

Justeru, Sekolah Kebangsaan boleh menjadi alternatif yang baik kepada pemupukan perpaduan kaum dan semangat toleransi antara kaum kerana SK ditubuhkan untuk semua kaum. Pemupukan dan penyuburan sikap berbaik-baik dan toleransi perlu dimulai sejak awal persekolahan (Musa Mohamad, 2002). Namun sejak sebelum medeka 31 Ogos 1957 sehingga kini sistem pendidikan negara masih mengekalkan pelbagai aliran sekolah di peringkat sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT), dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sekolah Kebangsaan walaupun merupakan sekolah untuk semua kaum tetapi hakikatnya dianggap sebagai sekolah Melayu. Manakala SJKC sebagai sekolah kaum Cina dan SJKT pula sebagai sekolah kaum India. SAR pula menjadi pilihan kepada ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka menguasai lebih banyak ilmu keagamaan Islam.

Walaupun sistem pendidikan Malaysia membenarkan wujudnya sekolah-sekolah SJKC, SJKT, dan SAR namun ada sekolah-sekolah ini menghadapi banyak masalah. Sekolah Agama Rakyat menghadapi masalah kewangan, pencapaian akademik yang lemah, prasarana dan kemudahan yang daif, dan kecenderungan untuk berpolitik (Musa Mohamad, 2003). Berbeza dengan SAR, SJKC, dan SJKT menghadapi masalah kekurangan murid. KPM mengkategorikan sekolah ini sebagai Sekolah Kekurangan Murid (SKM) iaitu sekolah yang mempunyai murid kurang daripada 100 orang. Sebanyak 40 (69 %) buah sekolah daripada 58 buah sekolah SKJT dikategorikan sebagai SKM, manakala 44 (49 %) buah sekolah daripada 90 buah SJKC tergolong dalam SKM berbanding hanya 16 (4 %) buah sekolah daripada 376 buah SK di negeri Kedah.

Jika SK hendak dijadikan sebagai alternatif kepada masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, adalah wajar SK membuktikan kecemerlangannya terutama dalam pencapaian akademik. Namun, keputusan peperiksaan di SK agak tidak menggalakkan berbanding dengan SJKC. Dalam peperiksaan UPSR 2001-2004 di Kedah misalnya, didapati keputusan dapat dibezakan berdasarkan aliran sekolah di Kedah. Analisis menunjukkan peratusan kelulusan 5A dan 7A mengikut aliran sekolah adalah seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Analisis Peratusan Pencapaian 5A/7A Mengikut Aliran Sekolah.

Aliran/Thn	2001	2002	2003	2004
SK	4.5	5.6	5.8	5.8
SJKC	5.4	7.8	11.3	10.6

Sumber: JPN Kedah, 2005

Berdasarkan Jadual 1 di atas bilangan peratus murid-murid yang mendapat kelulusan 5A dan 7A adalah lebih tinggi di SJKC berbanding dengan SK bagi tahun 2001-2004. Sebagai contoh, keputusan UPSR 2004 menunjukkan peratus murid SK yang mendapat 5A ialah 5.8 % atau seramai 1828 orang daripada 31, 253 murid, manakala peratus murid di SJKC yang memperoleh 7A ialah 10.6% atau seramai 516 orang daripada 4883 murid.

Pada peringkat nasional Kementerian Pelajaran Malaysia belum berpuas hati terhadap pencapaian mata pelajaran Matematik dan Sains di kalangan pelajar Bumiputera, terutama di sekolah kebangsaan. Jika dibandingkan pencapaian mata pelajaran Matematik dan Sains SK dengan SJKC, SK masih jauh lebih rendah, justeru semua pegawai KPM dan guru harus membabitkan diri dengan bersungguh-sungguh untuk memperkasa SK dengan mengurangkan jurang perbezaan antara SK dengan SJKC (Ahmad Sipon, BH 30 Jun, 2005).

Ketidakpuasan tentang pencapaian orang-orang Melayu disuarakan lagi oleh Perdana Menteri Malaysia dalam amanat Presiden UMNO pada 6 Februari, 2005 dan mahukan supaya usaha-usaha ke arah meningkatkan kecemerlangan pelajar SK menjadi kewajipan setiap pemimpin dan ahli UMNO mulai sekarang (Abdullah Ahmad Badawi, 2005). Kerajaan sedar dengan pemeraksanaan SK akan membawa banyak kebaikan kepada pembinaan anak bangsa. Kerajaan berhasrat memperhebat agenda memperkasa SK kerana yakin SK merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama, dan semangat cintakan negara di kalangan generasi muda. Kerajaan akan meningkatkan prasarana, disiplin dan keselamatan pelajar, pencapaian akademik, pencapaian kokurikulum, penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat, kualiti guru dan pengurusan sekolah. Keperihatinan kerajaan juga jelas apabila Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) berusaha menjadikan SK sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam semua aspek (Hishammudin Hussein, 2005). Mahathir Mohamad dalam "*Face the Facts*" (2001) menyarankan supaya para pendidik dan penyelidik mencari sebab-sebab kemerosotan pencapaian SK, dan sanggup menerima kebenaran apa jua daripada dapatan kajian bagi membaiki sekolah dan mengatasi kelemahan. Pada sidang kemuncak pendidikan 2004 sekali lagi Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menyarankan Kementerian Pelajaran melakukan perubahan penting bagi menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai 'sekolah pilihan' dengan memelihara kedudukan, meningkatkan kualiti supaya ibu bapa senang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah SK. Walaupun SK ditubuhkan sebagai aliran perdana bagi memupuk perpaduan rakyat Malaysia, tetapi beberapa kelemahan perlu diatasi supaya SK menjadi pilihan utama masyarakat. Antara kelemahan SK ialah



tanggapan masyarakat bahawa pencapaian akademik di SK lebih rendah berbanding sekolah aliran Cina (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Justeru, kajian ini akan mengenal pasti amalan budaya di dua aliran sekolah yang dominan di Malaysia iaitu SK dan SJKC yang boleh dijadikan panduan kepada keberkesanan sesebuah sekolah yang mungkin dapat menarik minat lebih ramai ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke SK.

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa pemahaman tentang budaya sekolah adalah prasyarat untuk menjadikan sekolah lebih berkesan (Deal, 1985; Metz, 1986; Rossman, 1988; Deal & Peterson, 1990). Malangnya sangat sedikit kajian yang sistematik yang mengkaji secara khusus budaya sekolah berkesan (Hoy & Miskel, 2001).

Di Malaysia kajian dan pengetahuan kita tentang budaya sekolah dan sekolah berkesan masih terhad (EPRD, 2004). Jika ada pun kajian di Malaysia namun kajian dijalankan secara berasingan dan tidak menekankan nilai budaya dan pencapaian sekolah (Norihan Haji Azizan, 1996; Shahril Marzuki, 1997; Zulkifli Husin, 1998; Umi Nafisah Md. Sirat, 1999; Abdul Aziz Omar, 2000 & Ahmad Zabidi Abd Razak, 2002). Walaupun kajian-kajian di luar negara agak banyak namun kebanyakannya adalah kajian empirikal berbentuk kualitatif dan interpretatif, kutipan data daripada sampel sekolah yang kecil (Colley, 1999; Kelley & Bredeson, 1987; Kottkamp, 1984; Ortiz, 1986; Owens, Steinhoff & Rosenbaum, 1989; Perkaralewis, 1988; Willower dan Smith, 1986). Kajian-kajian mutakhir pula membuat perbandingan antara budaya sekolah menengah (Cavanagh & Dellar, 1998; Pang, 1996). Kajian-kajian seumpama ini sangat terhad di Malaysia dan telah lama tidak dikaji (EPRD, 2004).

Tambahan lagi, kajian lampau sukar untuk dikaitkan antara budaya sekolah dengan pencapaian sekolah (Maslowski, 2001). Contohnya, kajian Pang (1998) yang mengkaji budaya di sekolah-sekolah menengah di Hong Kong. Pang (1998) telah mengenal pasti profil budaya setiap sekolah yang dikaji berdasarkan kepada skor komposit ke atas empat variabel; hubungan birokratik; hubungan budaya; kawalan ketat dan kawalan longgar. Namun begitu, Pang (1998) tidak menganalisis profil ini untuk mengenal pasti jenis-jenis budaya sekolah menengah. Justeru, kajian ini akan meneroka kewujudan nilai budaya

yang berbeza di kalangan sekolah-sekolah rendah dan membentuk satu profil yang tertentu. Pengetahuan tentang nilai budaya sekolah adalah penting secara praktik dan teori. Praktiknya sekolah boleh menggunakan profil ini untuk mengenal pasti ciri-ciri budaya sekolah mereka dan secara teorinya profil budaya menunjukkan nilai yang ada hubungan dengan kejayaan sesebuah sekolah. Apabila ciri-ciri budaya sekolah telah dikenal pasti, maka lebih mudah pihak pengurusan sekolah untuk mengambil tindakan yang sesuai bagi menambah baik sekolah berdasarkan teori yang telah dibuktikan dari masa ke semasa. Pengurusan sekolah mempunyai pengaruh yang kuat untuk mencorakkan budaya sekolah, dan budaya sekolah yang positif akan meningkatkan keberkesanan sekolah (Sergiovanni, 2000; Sharifah Md Nor, 2000; Deal & Peterson, 1999).

Tujuan kajian ini ialah untuk meneroka sama ada ciri-ciri budaya dan profil budaya sekolah mempunyai hubungan dengan variabel konteks. Bagi tujuan tersebut, perhubungan antara budaya sekolah dengan aliran sekolah akan dikaji. Perbezaan aliran sekolah dibuat kerana ia mencerminkan sesuatu budaya yang berbeza. Misalnya Sekolah Kebangsaan (SK) biasanya diwarnai oleh guru besar di kalangan orang Melayu dan ramai bilangan guru dan murid di kalangan orang Melayu. Sementara di SJKC pula, baik guru besar mahupun guru dan muridnya adalah terdiri daripada kaum Cina.

Pendidik dan penyelidik mendapati sesuatu yang tidak kena dengan usaha membangunkan sekolah. Pelbagai usaha dijalankan seperti projek kurikulum, penilaian dan pengujian, reformasi dan sebagainya, tetapi unsur budaya sekolah kurang diberikan perhatian. Mengikut (Wagner & Hall-O'Phelan, 1998; Friegberg, 1998), tanpa memberi perhatian terhadap unsur budaya sekolah, sebarang perubahan agak sukar mendapat kejayaan. Beberapa kajian tentang hubungan antara budaya dan pencapaian telah ditinjau, tetapi tidak ada keselarian antara satu kajian dengan kajian yang lain. Malah kajian-kajian ini berbeza daripada segi definisi operasional budaya dan pencapaian. Umum berpendapat sekolah berkesan menekankan kepada kolaboratif (*collaboration*), kesejawatan (*collegiality*) dan penglibatan staf dalam proses membuat keputusan (Heck & Marcoulides, 1996; Gaziel, 1997; Pang, 1998). Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian-

kajian penambahbaikan sekolah (Hopkins, Ainscow & West, 1994) dan kajian keberkesanan sekolah (Levine & Lezotte, 1990; Sammons, Hillman & Mortimore, 1995). Seterusnya dapatan kajian (Gaziel, 1997 & Pang, 1997) menunjukkan aspek orientasi pencapaian dan orientasi akademik mempunyai hubungan dengan pencapaian sekolah. Aspek orientasi akademik menjadi tema kajian sekolah-sekolah berkesan (Teddlie & Reynolds, 2000; Shreerens & Bosker, 1997). Heck dan Marcoulidies (1996) serta Fullan (1992) pula mendapati aspek penekanan kepada inovasi dan mengambil risiko sebagai faktor penjana kepada pencapaian. Dalam kajian Pang (1998) peraturan formal dan keadaan persekitaran tidak mempunyai kesan kepada pencapaian sekolah. Malah dalam kajian Gaziel (1997) faktor-faktor ini mempunyai kesan negatif kepada pencapaian sekolah. Dapatan-dapatan ini berlawanan dengan kajian ke atas impak sekolah dan faktor persekitaran yang positif melalui peraturan dan undang-undang (Shreerens & Bosker, 1997).

Kebanyakan kajian-kajian di atas menggunakan pencapaian pelajar sebagai kayu pengukur kepada pencapaian sekolah. Kajian-kajian mereka juga merumuskan bahawa pencapaian sekolah ada kaitan dengan fokus sekolah kepada aspek matlamat, aspek nilai, aspek kolaboratif dan kesejawatan serta kecenderungan guru berinovasi. Aspek berorientasi peraturan agak samar (Maslowski, 2001). Memandangkan kebanyakan kajian menunjukkan wujud hubungan yang positif antara persekitaran yang positif dengan pencapaian pelajar, maka dijangkakan hubungan positif antara dua pemboleh ubah ini wujud.

Sesuatu kajian akan lebih bermakna sekiranya dapat memberikan input dan selari dengan hasrat kepemimpinan dan polisi negara semasa. Hal ini terbukti dalam ucapan-ucapan Perdana Menteri Malaysia (Abdullah Ahmad Badawi, Berita Harian 5 Julai, 2005; Berita Harian, Ogos, 2005), Menteri Pelajaran Malaysia (Perutusan Hari Guru, Mei, 2005; Majlis Konvokesyen Maktab Perguruan Perlis, 3 Jun, 2005) yang menekan kepada memperkasakan SK, budaya, dan komitmen guru. Penekanan dalam pelbagai ucapan oleh kepemimpinan Negara sepanjang tahun 2005 menggambarkan kepentingan isu ini.

Di samping pentingnya budaya sekolah, komitmen guru juga dianggap penting dalam mempengaruhi keberkesanan sekolah dan dalam menjayakan wawasan dan kecemerlangan pendidikan (Wan Mohd. Zahid, 1993). Mengikut Mintzberg (1983), komitmen mempunyai kaitan dengan pencapaian matlamat organisasi, justeru organisasi yang berkesan seharusnya mempunyai ahli-ahli yang komited dengan misi dan visi organisasi. Beberapa kajian seperti (Rosenholtz, 1989; Coladarci, 1992; Kushman, 1992; Armon, 1995) menunjukkan wujudnya hubungan yang kuat antara komitmen dengan iklim sekolah, kolaboratif dan persepakatan guru (budaya sekolah). Komitmen guru juga berkait rapat dengan keberkesanan sekolah, pencapaian kerja, kepuasan kerja, dan pencapaian pelajar (Firestone & Pennell, 1993; Louis, 1998; Singh & Billingsley, 1998; Nir, 2002). Guru yang komited lebih bermotivasi untuk menjayakan perubahan dan tanggungjawab (Firestone & Pennell, 1993) lebih prihatin, dedikasi, dan kesungguhan (Elliot & Crosswell, 2003).

Walaupun komitmen sangat penting kepada pencapaian organisasi tetapi komitmen guru sekarang ini sedang dipertikaikan oleh masyarakat. Terdapat menteri yang mempertikaikan komitmen guru yang menjadi punca kegagalan pelajar di luar bandar (Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mustapa Mohamed, Berita Harian 14 Februari, 2005). Keadaan ini diakui sendiri oleh Menteri Pelajaran Malaysia dengan mengatakan "Untuk mengembalikan penghormatan masyarakat terhadap golongan guru, tindakan segera perlu untuk membetulkan persepsi masyarakat yang salah terhadap guru. Hanya guru yang bangga dengan profesion mereka serta menerimanya sebagai amanah dan tanggungjawab akan bersungguh-sungguh mendidik anak bangsa dan mereka sanggup berkorban untuk ditempatkan di mana saja, bandar atau luar bandar" (Hishammudin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia, Perutusan Hari Guru 2005) dan beliau menegaskan lagi "Guru perlu membela dan mempertahankan profesion mereka daripada segala jenis tuduhan dan tohmahan pelbagai pihak yang bakal menimbulkan persepsi kurang elok di kalangan masyarakat" (Hishammudin Hussein, Berita Harian, 23 Ogos, 2005).

Daripada ucapan-ucapan kepimpinan negara terdapat tiga perkara pokok yang perlu diberi penekanan iaitu memperkasa sekolah kebangsaan, mengamalkan budaya

cemerlang, kepemimpinan, dan komitmen guru dalam menjayakan aspirasi negara. Justeru, kajian ini akan memfokus kepada budaya sekolah, kepemimpinan sekolah, komitmen guru, dan pencapaian sekolah di sekolah kebangsaan dan SJKC.

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti budaya sekolah mengikut dimensi hubungan kemanusiaan, sistem terbuka, matlamat rasional, dan proses dalaman sekolah-sekolah rendah di negeri Kedah. Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada wujud hubungan positif dan signifikan antara budaya organisasi sekolah dengan pencapaian akademik, komitmen organisasi, dan kepemimpinan sekolah.

##### **1.4.2 Objektif Khusus**

1. Mengetahui budaya sekolah rendah SK dan SJKC di Kedah.
2. Mengetahui budaya sekolah rendah di SK, dan SJKC mengikut pencapaian sekolah dalam peperiksaan UPSR.
3. Mengetahui sama ada wujudnya hubungan antara amalan budaya sekolah dengan pencapaian sekolah.
4. Mengetahui sama ada wujudnya hubungan antara amalan budaya sekolah dengan komitmen organisasi.
5. Mengetahui sama ada wujudnya hubungan antara amalan budaya sekolah dengan kepemimpinan sekolah.
6. Mengetahui tahap dan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen organisasi.
7. Mencadangkan model kajian budaya sekolah dan pencapaian sekolah.

#### **1.5 SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan kepada objektif-objektif di atas, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan berikut;

1. Apakah dimensi-dimensi budaya yang menjadi amalan di sekolah rendah di Kedah?
2. Apakah dimensi budaya yang dominan di SK dan di SJKC?
3. Adakah amalan dimensi-dimensi budaya di sekolah rendah Kedah berbeza mengikut aliran sekolah?
4. Adakah amalan dimensi-dimensi budaya di sekolah rendah Kedah berbeza mengikut pencapaian akademik?
5. Adakah wujud hubungan antara amalan dimensi-dimensi budaya dengan kepemimpinan sekolah, komitmen organisasi, dan pencapaian sekolah?
6. Adakah wujud hubungan antara komitmen organisasi dengan kepemimpinan guru besar, dan pencapaian akademik?
7. Adakah wujud hubungan yang antara kepemimpinan guru besar dan pencapaian sekolah?
8. Apakah faktor-faktor yang menjadi penyumbang kepada pencapaian sekolah?
9. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen guru di sekolah SK dan SJKC serta di sekolah pencapaian tinggi dan sekolah berpencapaian rendah?
10. Apakah model cadangan kajian ini *good fit* terhadap data?

## 1.6 HIPOTESIS

Berdasarkan kepada tujuan-tujuan persoalan kajian di atas, berikut dinyatakan hipotesis kajian dalam bentuk nol serta diuji kebenarannya pada paras  $p < .05$  :-

Ho 1: Tidak wujud perbezaan signifikan budaya organisasi sekolah di SK dan SJKC.

Ho 2: Tidak wujud perbezaan signifikan dimensi-dimensi budaya organisasi sekolah (Hubungan kemanusiaan, Sistem Terbuka, Matlamat Rasional, dan Proses Dalaman) di SK dan SJKC

Ho 3: Tidak wujud perbezaan signifikan budaya organisasi sekolah mengikut pencapaian akademik di SK dan SJKC.

Ho 4: Tidak wujud perbezaan signifikan dimensi-dimensi budaya organisasi sekolah (Hubungan kemanusiaan, Sistem Terbuka, Matlamat Rasional, dan Proses Dalaman) mengikut pencapaian akademik di SK dan SJKC.

Ho 5: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara budaya organisasi sekolah dengan pencapaian akademik di SK dan SJKC.

Ho 6: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara budaya organisasi sekolah dengan komitmen organisasi di SK dan SJKC.

Ho 7: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara budaya organisasi sekolah dengan tingkah laku kepemimpinan di SK dan SJKC.

Ho 8: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara kepemimpinan dengan komitmen organisasi di SK dan SJKC; Sekolah Pencapaian Tinggi dan Sekolah Pencapaian Rendah.

Ho 9: Tidak wujud hubungan yang signifikan antara komitmen organisasi dengan pencapaian sekolah di SK dan SJKC.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pengetahuan dan kajian tentang budaya sekolah sangat kurang di Malaysia (EPRD, 2004), justeru kajian ini diharap dapat mendedahkan amalan nilai budaya sekolah di sekolah rendah di negeri Kedah, Malaysia. Walaupun dapatan daripada kajian ini sukar digeneralisasi pada peringkat nasional, kerana kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah rendah di negeri Kedah, namun sekurang-kurangnya kajian ini boleh dijadikan rangka rujuk kepada kajian-kajian seterusnya di peringkat nasional.

Instrumen budaya sekolah yang diubahsuai dalam kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak sekolah bagi mengkaji nilai budaya organisasi sekolah di sekolah mereka. Sebagai guru besar atau pengetua mereka harus faham akan nilai budaya organisasi sekolah sendiri bagi melakukan sebarang perubahan, inovasi, reformasi atau program yang akan dilaksanakan agar berjalan dengan lebih sempurna. Oleh kerana instrumen ini telah disahkan kebolehpercayaan dan mempunyai kesahan yang tinggi, maka guru besar atau pengetua sekolah atau guru-guru boleh membuat kajian di sekolah

sendiri demi meningkatkan kemajuan sekolah. Kajian-kajian seterusnya bukan saja boleh dilakukan pada peringkat sekolah, tetapi juga pada peringkat daerah, negeri dan negara oleh pelbagai pihak yang berminat dengan instrumen yang sedia ada yang sesuai dengan masyarakat Malaysia.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat digunakan oleh Pegawai Pendidikan Daerah bagi mengenal pasti nilai budaya organisasi sekolah di bawah pengawasan atau kawalan mereka. Dapatan dan cadangan yang diberi boleh digunakan sebagai tanda aras untuk merencana atau mengadakan pembaikan sekolah-sekolah di bawah kawalan mereka.

Selain itu dapatan kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak sekolah di daerah kajian bagi mengetahui nilai budaya sekolah mereka, justeru mencari jalan bagi mengatasi sesuatu masalah secara berhikmah. Jika sekiranya nilai budaya yang dikaji ada kaitan dengan pencapaian sekolah maka seharusnya sekolah mencari jalan cara untuk mengubah budaya sekolah mereka sejajar dengan nilai yang diharapkan. Dengan menyediakan profil budaya sekolah akan membantu pihak sekolah untuk menguatkan atau menyemarakkan lagi budaya positif dan menggunakan maklumat ini untuk tujuan perubahan. Budaya sekolah perlu dikenal pasti bagi memastikan usaha sekolah untuk berubah akan berjaya (Colley, 1999).

Dalam Program Sekolah Lima Bintang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Kedah serta Konsep dan Manual Sekolah Selamat yang dijayakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia aspek budaya sekolah kurang diberi perhatian. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rangka rujukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang berkaitan dengan budaya sekolah dan hubungannya dengan kecemerlangan sekolah.

Ciri-ciri budaya sekolah menggambarkan nilai yang diamalkan dalam sesebuah sekolah. Seandainya ahli-ahli dalam sesebuah sekolah berpegang pada nilai-nilai positif, sikap dan perlakuan mereka akan mencerminkan nilai positif. Maka sebagai pendidik atau pengurus sesebuah sekolah, mereka perlu mengenal pasti ciri-ciri perlakuan yang diharapkan. Sekiranya perlakuan menunjukkan sikap negatif, perlu ada usaha untuk



mengubah serta membimbing mereka ke arah sikap dan kelakuan yang dikehendaki agar selari dengan matlamat organisasi.

## **1.8 BATASAN KAJIAN**

Batasan kajian dapat dibahagikan kepada dua iaitu; limitasi dan delimitasi. Limitasi berkaitan dengan perkara yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik dan delimitasi berkaitan dengan batasan kajian yang ditetapkan oleh penyelidik.

### **1.8.1 Delimitasi**

Persampelan kajian hanya melibatkan responden dari sekolah-sekolah rendah aliran SK dan SJKC di negeri Kedah sahaja. Justeru, dapatan kajian tentang ciri-ciri sekolah terhad dalam lingkungan sekolah rendah di negeri Kedah sahaja. Budaya organisasi sekolah hanya dilihat daripada empat dimensi utama sahaja.

Dimensi-dimensi budaya yang dikaji ialah;

- a. dimensi perhubungan kemanusiaan
- b. dimensi sistem terbuka
- c. dimensi matlamat rasional
- d. dimensi proses dalaman

Pengkaji juga ingin mengenal pasti komitmen guru berasaskan kepada perasaan-perasaan guru tentang organisasi yang sedang dia bekerja. Walaupun ada variabel-variabel yang lain sesuai, pengkaji hanya ingin mengaitkan komitmen kerja guru dengan nilai budaya sekolah. Dalam aspek kepemimpinan pula, penyelidik hanya memfokus kepada kepemimpinan transformasional dan transaksional sahaja. Kajian kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik serta temu bual hanya melibatkan guru-guru dan guru besar sekolah rendah di negeri Kedah sahaja.

### **1.8.2 Limitasi**

Maklumat yang didapati terbatas kepada kesediaan responden untuk menjawab soal selidik dan temu bual dengan tepat dan jujur.

## **1.9 DEFINISI DAN ISTILAH OPERASIONAL**

### **1.9.1 Budaya**

Budaya boleh ditakrifkan sebagai perkongsian falsafah, fahaman, nilai, andaian, kepercayaan, sikap dan norma yang mengikat komuniti bersama (Owens, 1991). Komuniti dalam aspek ini ialah organisasi sekolah. Di sekolah wujud persetujuan, implisit atau eksplisit di kalangan guru-guru, pihak pentadbir dan warga lain tentang cara pendekatan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Deal (1990) berpendapat budaya ialah konsep pembelajaran corak pemikiran secara tak sedar, gambaran, dan diperkuatkan oleh tingkah laku yang akan membentuk pengalaman manusia. Dalam konteks kajian ini budaya merujuk kepada tingkah laku atau amalan oleh ahli-ahli kumpulan hasil daripada perkongsian nilai, kepercayaan, dan sikap yang dipegang bersama.

### **1.9.2 Budaya Sekolah**

Dalam kajian ini budaya sekolah ditakrifkan sebagai pengumpulan nilai dan norma daripada warga sekolah yang menjadi amalan guru. Budaya merupakan konsensus berkaitan perkara yang penting dan perkara yang tidak penting. Amalan-amalan ini bersifat kumpulan dan bukan bersifat individu (Hoy & Miskel, 2001).

### **1.9.3 Budaya organisasi**

Organisasi boleh didefinisikan sebagai sebuah perkumpulan manusia yang ditubuhkan secara formal dan bersifat dinamik untuk mencapai tujuan-tujuan yang spesifik melalui sistem pengoperasian yang berstruktur dan sistematik serta wujudnya kerjasama dalam kalangan ahlinya (Ahmad Shukri Mohd Nain, 2002). Oleh kerana sekolah adalah sebuah organisasi maka budaya sekolah adalah sama dengan budaya organisasi iaitu pengumpulan nilai dan norma daripada warga sekolah yang menjadi amalan. Budaya merupakan konsensus berkaitan perkara yang penting dan perkara yang tidak penting dan ianya bersifat kumpulan dan bukan bersifat individu.

#### **1.9.4 Nilai dan Sikap**

Nilai yang dipegang akan menentukan tingkah laku sesuatu individu atau kumpulan. Nilai akan mempengaruhi individu untuk melakukan yang terbaik kepada organisasi (Hoy & Miskel, 2001). Sikap boleh menunjukkan nilai seseorang individu. Sekiranya nilai seseorang atau kumpulan itu positif maka sikap individu atau kumpulan itu juga positif. Sikap dijemakan melalui perlakuan, idea, respon, reaksi, tidak peduli, tidak bekerjasama atau berdiam diri. Sikap juga berkaitan dengan perasaan individu terhadap dirinya sendiri, orang lain dan kumpulan lain, persekitarannya yang melibatkan kesukaan atau kebenciannya. Perasaan ini dicerminkan melalui perlakuannya dan perlakuan yang dilakukan secara berulang-ulang yang menjadi amalan ini dinamakan budaya. Nilai dalam kajian ini merujuk kepada nilai budaya organisasi berkesan yang dijemakan oleh warga sekolah.

#### **1.9.5 Pencapaian Sekolah**

Pencapaian sekolah merujuk kepada keberkesanan dan kecekapan dalam mengurus sekolah. Keberkesanan merujuk kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan oleh organisasi, manakala kecekapan lebih merujuk kepada pencapaian matlamat dengan mengambil kira faktor masa dan kos. Daripada perspektif Model Matlamat, sekolah dianggap berkesan apabila mencapai sasaran organisasi (Hoy & Miskel, 2001). Dalam kajian ini pencapaian sekolah merujuk kepada;

- i. Purata 3 tahun pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan awam iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah diambil kira sebagai indikator.
- ii. Penilaian Jabatan Pendidikan Negeri melalui Projek Lima Bintang.
- iii. Penilaian Jemaah Nazir Sekolah.

#### **1.9.6 Aliran Sekolah**

Aliran sekolah merujuk kepada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). SK dan SJKC ditentukan berdasarkan pengelasan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Akta Pelajaran, 1961)

### **1.9.7 Kepemimpinan**

Dalam kajian ini kepemimpinan guru besar merujuk kepada kepemimpinan transformasional dan transaksional yang terdiri daripada sifat-sifat karismatik, keupayaan membangkitkan inspirasi, merangsang intelek, dan pertimbangan secara individu (Bass & Avolio, 1997).

### **1.9.8 Komitmen Organisasi**

Komitmen organisasi merujuk kepada orientasi guru terhadap organisasi daripada segi kesetiaan dan penglibatan dalam organisasi (Robbins & Coulter, 2003). Kajian ini berdasarkan kepada komitmen organisasi Meyer dan Allen (1990) yang terdiri daripada dimensi afektif, berkekalan, dan normatif.

## **1.10 RUMUSAN**

Peranan sekolah sebagai agen sosialisasi tidak pernah disanggah oleh ahli-ahli sosiologi mahu pun pendidikan. Budaya sekolah positif dikenal pasti sebagai salah satu faktor penting dalam menjayakan wawasan dan matlamat sekolah agar seiring dengan inspirasi negara. Justeru, warga sekolah terutamanya para guru dan kepemimpinan sekolah mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mencorak dan menyuburkan budaya sekolah positif demi melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti budaya sekolah positif, komitmen organisasi, dan kepemimpinan sekolah yang menjurus kepada kejayaan sesebuah sekolah.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.3 Pendahuluan**

Sekolah merupakan sebuah institusi formal dalam sistem pendidikan dan sistem sosial yang dianggap sangat penting terutamanya dalam era globalisasi. Sekolah seharusnya bergerak selaras dengan kehendak masyarakat semasa yang mementingkan perubahan dan kemajuan. Sekiranya sekolah lambat bertindak balas dengan keadaan semasa yang bergerak begitu pantas, sistem pendidikan semasa akan gagal melahirkan modal insan yang berkualiti dan mampu menjana ekonomi, politik dan sosial negara bagi mencapai wawasan 2020. Menyedari hakikat kepentingan sekolah dalam melahirkan modal insan pada masa hadapan, kerajaan Malaysia memberikan perhatian kepada memperkasa Sekolah Kebangsaan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan.

Sekolah sebagai sebuah organisasi mempunyai budayanya yang tersendiri, yang dibentuk berasaskan interaksi antara warga sekolah iaitu, pihak pengurusan sekolah, guru-guru, para staf bukan guru, ibu bapa, dan para pelajar. Budaya sekolah yang positif akan menghasilkan kesan yang positif kepada pencapaian sekolah, sebaliknya budaya sekolah yang negatif akan menghasilkan kesan yang negatif kepada pencapaian sekolah (Peterson, 2002). Sekolah-sekolah yang berjaya lebih menumpukan kepada usaha-usaha untuk membangunkan budaya sekolah yang cemerlang, kerana yakin sesuatu reformasi pendidikan tidak akan berjaya untuk meningkatkan pencapaian sekolah sekiranya

budaya sekolah tidak selari dengan kehendak reformasi itu sendiri (Cunningham & Greso, 1992; Piperato & Roy, 2002).

Menurut Sharifah Noor (2000), budaya mempengaruhi cara manusia bertindak, cara berpakaian, sehinggalah kepada perkara yang mereka perkatakan dan tidak perkatakan. Budaya sekolah adalah kompleks, merangkumi norma, nilai, kepercayaan, andaian, tradisi dan upacara yang telah dibentuk sekian lama oleh para guru, pelajar, ibu bapa, dan pengurusan sekolah semasa mereka bekerja bersama-sama, berhadapan dengan krisis dan membina jangkaan untuk berinteraksi dan bekerjasama (Schein, 1983; Deal & Peterson, 1990).

## **2.2 Konsep Budaya**

Jainabee Mohd. Kassim dan Robiah Sidin (2005) menjelaskan budaya sebagai satu gelagat, kepercayaan, sikap, nilai dan idea yang dikongsi bersama oleh individu dalam satu- satu kumpulan. Budaya menentukan identiti sesuatu kumpulan manusia kerana nilai dan norma yang dikongsi bersama dipelajari dan diamalkan oleh ahli-ahli dalam kumpulan (Jainabee Mohd. Kassim & Robiah Sidin, 2005; Schein, 2004). Manakala Hoy dan Miskel (2003), merujuk budaya sebagai satu set kesefahaman utama, biasanya tidak bertulis dan dikongsi bersama oleh ahli-ahli organisasi. Satu set kesefahaman merujuk kepada kepercayaan, nilai, norma dan andaian *tacit* (difahami, tidak disebut, atau tersirat) yang dikongsi dan dihayati bersama (Hoy & Miskel; Schein, 2004). Kepercayaan merupakan tanggapan asas terhadap sesuatu perkara, manakala norma merupakan perlakuan-perlakuan yang diharapkan dan dipiawaikan seperti cara bercakap, menepati masa, hormat-menghormati dan ikhlas. Manakala nilai pula ialah kepercayaan yang mendorong seseorang untuk bertindak. Sagor dan Barnett (1994) mendefinisikan budaya sebagai sistem sosial yang diintegrasikan ke dalam nilai, kepercayaan, dan peraturan untuk bertingkah laku. Sehubungan dengan itu, kajian tentang tingkah laku manusia dalam satu kumpulan sudah tentu berbeza mengikut masyarakat, kumpulan etnik, suku, organisasi dan lain-lain sub budaya. Perbezaan budaya membezakan satu masyarakat

dengan masyarakat yang lain dan budaya ini diwarisi dari generasi ke generasi (Soules, 2001; Deal & Peterson, 1999).

Kewujudan sesuatu budaya dalam sesuatu kelompok manusia, organisasi atau masyarakat bermula apabila kelakuan atau tingkah laku yang sama dilakukan secara berulang-ulang oleh ahli-ahli dalam kumpulan tersebut. Tabiat yang berulang-ulang ini lama kelamaan akan menjadi sifat atau ciri-ciri dalam kumpulan itu yang dikenali sebagai budaya dan budaya dimanifestasi melalui tutur kata, perbuatan dan perasaan yang dikongsi bersama (INTAN, 1993). Taylor dlm. Halley (2002) menyatakan budaya sebagai sesuatu yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, dan adat yang diperoleh oleh seseorang sebagai ahli masyarakat. Budaya, dalam bahasa yang mudah ialah 'cara kita melakukan sesuatu' (Bowler, 1999).

Selain itu, menurut Deal dan Peterson (1999) budaya berkaitan dengan nilai, norma, kepercayaan, tradisi-tradisi, dan upacara-upacara yang dibina sekian lama semasa mereka bekerja, menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran secara bersama-sama. Budaya wujud dalam diri individu hasil daripada pengalaman interaksi sosial dengan masyarakat sekitar (Bourdieu, 1992) atau daripada persekitaran sosialnya (Amir Hasan Dawi, 2002).

Mengikut Schein (2004) dan Oswalt (1985), budaya ialah perkara yang dipelajari dan corak tingkah laku yang dikongsi bersama oleh ahli-ahli kumpulan. Tingkah laku ini dipelajari daripada ahli senior dalam organisasi dan akhirnya berkongsi idea tentang perkara yang penting bagi kumpulan itu. Kebanyakan fikiran dan tindakan adalah berasaskan perkara yang dipelajari dan dikongsi serta menjadi satu tradisi. Budaya dicorakkan melalui pemerhatian, perkongsian kepercayaan, tanda simbolik, cara hidup, adat, upacara, permainan, kesenian, mitos, ingatan, pakaian, emosi, dan cara makan. Selain dari itu, budaya dibentuk hasil daripada pemerhatian, pendengaran, percakapan, interaksi dengan ahli-ahli dalam organisasi (Cunningham & Gresso, 1992).

Dalam bidang sosiologi budaya dilihat daripada aspek etnik dan geografi (Colley, 1999). Manakala kajian budaya merujuk pada kajian-kajian mengenai sekumpulan orang yang bekerja bersama-sama dan berkongsi makna dan andaian (Griswold, dlm. Colley,